

( )

( )

...

\_\_\_\_\_ الذين يقومون  
بالتالي هي \_\_\_\_\_ ) :  
أحسن ) .

\_\_\_\_\_ الذي يدخل \_\_\_\_\_ :  
\_\_\_\_\_ :

\_\_\_\_\_ الذي يدعو \_\_\_\_\_ :  
\_\_\_\_\_ الذي يترك أثرًا \_\_\_\_\_  
التي جاءوا منها \_\_\_\_\_

### Berdakwah ke jalan Allah suatu kewajiban orang Islam

Berdakwah ke jalan Allah adalah suatu kewajiban ke atas orang Islam di mana-mana tempat. Bagaimanapun ia mungkin berbeza berdasarkan kepada orang Islam ; (di mana) setiap orang melakukannya mengikut kadar pengetahuan dan kemampuannya. Apabila mereka mengabaikan dakwah kesemuanya menanggung dosa.

Dakwah bermaksud penyampaian yang jelas tentang agama Allah kepada semua manusia sama ada orang Arab atau bukan Arab dan putih ataupun hitam. Mereka yang menyampaikan dakwah hendaklah mengambil dasar-dasar apa yang telah dijelaskan oleh Al-Quran dan Al-Sunnah. Usul ini terdapat dalam firman Allah : *“Serulah kepada jalan Tuhan mu dengan bijaksana dan peringatan yang baik dan berdialoglah dengan mereka secara yang terbaik.”*

*“Kebijaksanaan”* itu ialah Al-Quran dan Al-Sunnah serta meletakkan apa-apa perkara pada tempatnya di samping bertindak betul pada waktu yang munasabah dengan cara yang betul. *“Peringatan yang baik”* pula ialah kata-kata lembut yang menusuk kalbu dan menyentuh perasaan serta membawa kebaikan kepada nya. *“Berdialog dengan cara yang terbaik”* iaitu memilih jalan yang terbaik supaya pihak lawan akur dan tidak bertujuan mencerca serta mengatasi mereka. Bahkan tujuan sebenar ialah : sampai kepada kebenaran tanpa meninggikan suara atau menyakiti serta mencela.

Berdasarkan apa yang tersebut, maka individu muslim yang berdakwah ke jalan Allah di negara-negara barat dituntut mengetahui ilmu-ilmu perundangan yang berdasarkan kepada dalil-dalil syarak dan berkata-kata dengan petah. Dia juga dituntut mempraktikkan konsep *“Peringatan yang baik”* ; iaitu kata-kata baik yang berkesan yang boleh meninggalkan kesan yang baik di dalam hati. Untuk melakukan tugas tersebut dia hendaklah mengetahui suasana orang yang didakwah, latar belakang mereka dan asas sosio-budaya yang mereka datang dari nya. Oleh itu mempelajari sosio-budaya, bahasa dan ruang-ruang yang sesuai untuk memasuki ke dalam pemikiran dan hati golongan yang didakwah adalah suatu perkara yang sangat mustahak.

Sesungguhnya golongan yang didakwah –di mana-mana tempat- sama ada sebagai kelompok yang telah menerima dakwah ataupun golongan yang belum menerima dakwah. Kelompok yang pertama ialah orang-orang Islam dan kelompok yang kedua ialah orang-orang bukan Islam. Pendakwah hendaklah membezakan di antara dua golongan tersebut. Golongan pertama memerlukan pendakwah menjelaskan apa yang berdasarkan kepada penerimaan Islam (sebagai agama) seperti ikhlas dalam beribadat kepada Allah dan melakukan apa yang wajib ke atas seseorang muslim seperti taat kepada Allah dan meninggalkan maksiat. Golongan kedua pula memerlukan pendakwah menjelaskan usul-usul Islam dan asas-asas akidah. Jika perlu dia hendaklah menjelaskan kepada mereka kebatilan akidah Kristian tanpa persendaan, penghinaan dan serangan, bahkan dengan sebaik-baik penjelasan dan pembentangan.



—  
—  
-1  
-2  
-3  
-4  
-5

—  
—  
- :